

PELUANG DAN HARAPAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI SELETAR: KAJIAN KES DI KAMPUNG SUNGAI TEMON, JOHOR BAHRU

*OPPORTUNITIES AND PROSPECTS OF THE ECONOMIC ACTIVITIES OF THE SELETAR
INDIGENOUS COMMUNITY: A CASE STUDY IN KAMPUNG SUNGAI TEMON, JOHOR
BAHRU*

Syamil Imran SHAMSIR¹

Mashrom MUDA^{*2}

Zamre Abu HASSAN³

^{1,2,3}Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

¹syamilimran97@gmail.com

²mashrom@um.edu.my

³zamree@um.edu.my

Corresponding author*

Received: 14th November 2024

Accepted: 14th August 2025

ABSTRAK

Orang Asli Seletar merupakan salah satu kaum orang asli di Malaysia yang berada di bawah komuniti orang laut. Kehidupan dan kebudayaan mereka berkait rapat dengan dunia laut. Bagi masyarakat Orang Asli Seletar, laut bukan hanya sebagai tempat mereka mencari rezeki demi menyara keluarga semata-mata. Malah, laut juga telah menjadi sebahagian daripada identiti orang asli Seletar itu sendiri. Oleh sebab itu, kebanyakan aktiviti sosioekonomi Orang Asli Seletar mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan laut. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peluang dan halangan kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon, Johor Bahru. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif seperti kaedah temu bual secara mendalam, pemerhatian turut serta dan kaedah kepustakaan. Seramai lima orang informan telah ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Pemerhatian turut serta juga telah dilakukan bagi mendapatkan bahan bukti untuk menyokong maklumat yang diperolehi semasa sesi temu bual. Hasil daripada kajian mendapati bahawa masyarakat orang asli Seletar di Kampung Sungai Temon telah menjalankan dua kegiatan ekonomi yang utama iaitu penternakan kupang dan perusahaan restoran makanan laut. Kajian ini juga mendapati bagaimana komuniti orang asli Seletar di Kampung Sungai Temon mengusahakan kerja-kerja penternakan kupang dan perusahaan restoran makanan laut milik mereka. Walau bagaimanapun, kedua-dua kegiatan ekonomi ini turut mendatangkan cabaran kepada komuniti orang asli Seletar akibat daripada kerja-kerja penambakan laut yang berlaku di sekitar perairan Selat Tebrau. Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi mendokumentasikan tentang kegigihan komuniti orang asli

Seletar dalam menjalankan kegiatan ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup serta taraf ekonomi mereka.

Kata kunci: kegiatan ekonomi; orang asli; orang Seletar; peluang; halangan

ABSTRACT

The Seletar Orang Asli are one of the indigenous groups in Malaysia belonging to the *Orang Laut* (Sea People) community. Their lives and culture are closely connected to the maritime world. For the Seletar community, the sea is not only a place to earn a living to support their families, but also an integral part of their collective identity. Consequently, most of the Seletar people's socioeconomic activities are deeply intertwined with the sea. This study aims to explain the opportunities and challenges faced by Seletar community in carrying out their economic activities in Kampung Sungai Temon, Johor Bahru. The study was using a qualitative approach such as in-depth interview, participant observation, and literature reviews. A total of five informants were interviewed to obtain the necessary information. Participant observation was also conducted to gather supporting evidence for data obtained during interviews. The findings reveal that the Seletar community in Kampung Sungai Temon is primarily involved in two main socioeconomic activities, mussel farming and seafood restaurant business. The study also highlights how the community manages and sustains these ventures. However, both activities face significant challenges due to land reclamation projects taking place around the waters of the Tebrau Strait. Therefore, this study is important to document the perseverance and resilience of the Seletar Orang Asli community in carrying out socioeconomic activities aimed to improve their standard of living and economic well-being.

Keywords: Economic activity; indigenous people; Seletar community; opportunity; obstacle

Pengenalan

Masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan penduduk terawal di negara ini dan kewujudan mereka sejak kurun ke-5 Masihi tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak. Definisi Orang Asli merujuk kepada mana-mana individu yang bapanya merupakan anggota kumpulan etnik Orang Asli, bertutur dalam bahasa Orang Asli, serta mengamalkan adat, kepercayaan dan gaya hidup masyarakat tersebut. Selain itu, mana-mana individu yang menjadi anak angkat Orang Asli dan turut mengamalkan gaya hidup mereka juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada komuniti ini (Akta Orang Asli 1954). Di Malaysia, Orang Asli merupakan golongan minoriti yang kebanyakannya masih menetap di kawasan hutan dan mengekalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar serta amalan nenek moyang mereka (Jamilah Bebe et al., 2016).

Menurut klasifikasi Jabatan Kemajuan Orang asli (JAKOA), komuniti Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok utama, iaitu (i) Negrito, (ii) Senoi dan (iii) Melayu-Proto. Ketiga-tiga kelompok ini menetap atau boleh dijumpai di lokasi berbeza seperti Utara Semenanjung (Negrito), Tengah Semenanjung (Senoi) dan Selatan Semenanjung Malaysia (Melayu-Proto). Kebiasaannya, masyarakat Orang Asli di Malaysia tersebar di pelbagai kawasan seperti hutan, kawasan pergunungan, pulau-pulau dan kawasan persisiran pantai atau muara sungai (Amran Kasimin, 1991). Mengikut suku pula, dikatakan bahawa terdapat 18 suku orang asli di Malaysia (Fifi Norhahdah Taman & Rozilah Kasim, 2021) daripada tiga kelompok utama sebagaimana dijelaskan oleh JAKOA.

Berdasarkan pengkategorian yang telah dilakukan oleh pihak JAKOA, kelompok Orang asli Seletar terletak di bawah kategori Melayu-Proto bersama-sama dengan suku orang asli yang lain seperti Temuan, Semelai, Jakun, Kanaq dan Kuala. Walau bagaimanapun, pihak JAKOA hanya mengiktiraf dua suku sahaja yang boleh digelar sebagai orang laut iaitu suku Kuala dan suku Seletar (Samsur Rijal Yahaya, 2015). Pada peringkat awal, masyarakat Orang Asli Seletar menjalankan kehidupan secara berpindah-randah sama seperti kelompok orang asli yang lain (Mariam Ali, 2002) dan menjadi kelaziman untuk tinggal di dalam rumah bot ataupun dikenali sebagai perahu berkajang. Menurut Juma'at Misman (2017), nama lain bagi perahu atau sampan digunakan oleh Orang Asli Seletar ialah *pauk*. Semasa menggunakan rumah bot atau sampan ini, Orang Asli Seletar berlegar-legar di sekitar kawasan pesisir pantai dan paya bakau di negeri Johor dan Singapura. Oleh sebab itu, Orang Asli Seletar dianggap sebagai "orang hanyut" kerana gaya hidup mereka yang tinggal di dalam sampan dan hanyut daripada suatu tempat ke tempat yang lain (Zainal Abidin Borhan, 1994). Walaupun Orang Asli Seletar mengamalkan gaya hidup yang nomad, Thomson (1847) mengatakan bahawa Orang Asli Seletar tidak pernah sampai ke perairan laut yang luas seperti Laut China Selatan dan Selat Melaka. Malah, jarak radius mereka berlayar hanya sekitar 30 batu persegi sahaja.

Proses pembangunan dan perubahan yang berlaku turut mempengaruhi keberadaan orang Seletar apabila mereka tidak lagi hidup berpindah-randah seperti kebiasaannya, tetapi sudah mula menetap di kawasan perkampungan berhampiran dengan kawasan laut. Proses pembangunan yang rancak berlaku secara tidak langsung telah mengubah struktur sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli Seletar. Kedua-dua elemen ini berkait antara satu sama lain yang akhirnya mempengaruhi kualiti serta kesejahteraan hidup mereka. Aspek ekonomi tradisi Orang Asli Seletar yang bergantung kepada hasil laut terjejas teruk akibat aktiviti pembangunan yang tidak mempedulikan tentang keberadaan mereka di kawasan sekitar. Jika sebelum ini banyak pilihan kegiatan ekonomi yang boleh mereka lakukan, kini lebih banyak cabaran berbanding peluang. Lebih membimbangkan lagi apabila modal yang dikeluarkan oleh mereka lebih tinggi berbanding hasil yang mereka perolehi (Hasan Mat Nor et al., 2009). Tidak mahu membiarkan aktiviti pembangunan menjejaskan kehidupan komuniti mereka, Orang Asli Seletar mengambil inisiatif melakukan pekerjaan baharu, selain yang biasa dilakukan oleh mereka kerana hasil laut semakin sukar diperolehi. Oleh itu, artikel ini mengupas cabaran dan peluang kegiatan

ekonomi komuniti Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon, Johor Bahru. Lokasi ini menjadi pilihan kerana telah dikenal pasti sebagai kawasan yang paling terkesan dengan kerja-kerja pembangunan yang dijalankan seperti aktiviti penambakan laut.

Sorotan Literatur

Latar Belakang Orang Laut

Menurut Roziah Mohamad Ali (2019), Orang Laut boleh dikenali dengan pelbagai istilah seperti *sea nomads*, *sea folk*, *sea gypsies*, *boat people*, *Celates* dan *Selates*. Di samping itu, kelompok Orang Laut boleh didefinisikan sebagai komuniti masyarakat yang hidup di dalam sampan dan mereka ini akan berlayar dari suatu kawasan ke kawasan yang lain (Sitti Rahmah Wahab, 2015). Hal ini turut dinyatakan oleh Sopher (1977) bahawa Orang Laut ini menjalankan gaya hidup yang dikenali sebagai nomadik. Ciri-ciri dinyatakan ini terdapat pada masyarakat Orang Asli Seletar dan membolehkan mereka juga dimasukkan dalam kategori Orang Laut.

Orang Asli Seletar yang juga dikenali sebagai komuniti Orang Laut telah memainkan peranan penting dalam sejarah di Malaysia. Perkara ini dikatakan demikian kerana komuniti Orang Laut sememangnya mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kerajaan-kerajaan Kesultanan Melayu pada suatu ketika dahulu. Malah, Orang Laut juga turut dikurniakan pangkat serta kedudukan oleh Raja-Raja Melayu hasil daripada sumbangan mereka seperti menjaga kawasan perairan serta meyakinkan para pedagang untuk berlabuh di pelabuhan milik Raja-raja Melayu (Andaya, 2010).

Selain itu, Andaya (2010) turut melakukan pengkategorian komuniti Orang Laut kepada tiga kategori, iaitu (i) Sama-Bajau; (ii) Orang Laut; dan (iii) Moken atau Molken. Kelompok Sama-Bajau boleh dijejaki di kawasan timur laut perairan Borneo, Kepulauan Sulu, Sulawesi, Maluku dan Kepulauan Nusa Tenggara. Bagi kelompok Orang Laut pula, kelompok ini boleh didapati di perairan Selat Melaka, kawasan-kawasan sungai di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau-Lingga dan beberapa kepulauan di Laut China Selatan. Komuniti Moken atau Molken pula, kebanyakannya bertebaran di sekitar kawasan perairan barat negara Myanmar dan Thailand.

Di samping itu, Kim (1999) mengatakan bahawa komuniti Orang Laut bukan sahaja boleh dijumpai di sekitar perairan Asia tenggara sahaja, tetapi dijumpai di sekitar kawasan Asia timur seperti China, Korea dan Jepun. Sebagai contoh, Kim mengatakan komuniti Orang Laut di Hong Kong dikenali sebagai *Dan*, manakala di Jepun pula komuniti orang lautnya dikenali sebagai *Ebune* dan banyak bertebaran di perairan *Kyushu* dan *Setonaikai*. Suku *Ebune* ini mendapat keistimewaan daripada pembesar tempatan yang bergelar *Daimyo* untuk menjalankan kerja-kerja perikanan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa komuniti sememangnya sudah menjalin perhubungan dengan kerajaan-kerajaan tempatan yang berhampiran dengan lokasi mereka.

Hubungan baik komuniti laut dengan kerajaan-kerajaan tempatan bukan sahaja satu perkara yang baharu, tetapi telah lama berlaku dan sedang berlaku. Hal ini kerana peranan mereka sangat penting terutamanya dalam soal membekalkan hasil tangkapan laut kepada pemerintah serta memastikan keselamatan perairan kerajaan berkenaan (Chou, 2021; Bérénice Bellina et al., 2021). Di Malaysia, terutamanya ketika zaman Kesultanan Melayu, komuniti orang laut merupakan sekutu bagi kerajaan-kerajaan Kesultanan Melayu (Andaya, 2010). Hubungan baik Orang Laut dengan pemerintah suatu ketika dahulu berlaku atas kapasiti kepentingan menjaga dan mengawal keselamatan kawasan perairan negara. Hal ini penting bagi menarik minat pedagang asing untuk berlabuh ke pelabuhan milik Raja-Raja Melayu. Selain itu, Roziah Mohamad Ali & Khairi Ariffin (2020) juga ada mengatakan bahawa Orang Laut merupakan satu komponen penting yang berperanan dalam hal ehwal politik, ekonomi serta sosial dalam kerajaan-kerajaan Melayu suatu ketika dahulu. Malah, komuniti Orang Laut sudah menjalin perhubungan dengan kerajaan Melayu semenjak daripada zaman kerajaan Palembang lagi

(Zainal Abidin Borhan, 1999). Komuniti ini turut dikatakan menjadi tonggak penting dalam kekuatan askar Kesultanan Johor Lama. Hal ini dapat dibuktikan apabila kelompok Orang Laut turut bersama-sama Parameswara melarikan diri daripada Palembang ke Temasik sebelum tiba di Melaka. Setelah jatuhnya Kesultanan Melaka, kesetiaan Orang Laut beralih kepada Kesultanan Johor Lama. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan daripada Andaya (1975) yang mengatakan bahawa Orang Laut turut bersama-sama dengan Kesultanan Johor berperang menentang kerajaan Jambi.

Selain daripada menjadi benteng pertahanan kedaulatan negara melalui jalan laut, komuniti Orang Laut mempunyai kepakaran yang tiada pada komuniti lain, iaitu berkaitan dengan dunia laut. Kemahiran dimiliki oleh mereka membolehkan kerja mengutip hasil-hasil laut seperti rumpai laut, cangkerang penyu dan mutiara dapat dilaksanakan dengan mudah (Andaya, 2010). Kesemua hasil-hasil laut ini penting bagi menarik perhatian pedagang-pedagang asing terutamanya daripada China. Zainal Abidin Borhan (1999) juga mengatakan Orang Laut sememangnya mahir menguasai pasaran barangan laut seperti mutiara, teripang, agar-agar laut, karang laut dan sagu kulit kayu bakau. Secara tidak langsung, hubungan di antara komuniti orang laut dengan Raja-Raja Melayu menjadi sangat erat. Hal ini demikian kerana kesemua barangan hasil laut ini merupakan barangan yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan para pedagang asing.

Kegiatan Ekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia

Menurut Muhammad Wafi Ramli (2020), komuniti Orang Asli cenderung melakukan pekerjaan atau kegiatan ekonomi yang berkait rapat dengan persekitaran mereka. Contoh paling jelas seperti dilakukan oleh komuniti Orang Asli Semoq Beri yang masih lagi menjalankan kegiatan ekonomi tradisi seperti memungut hasil hutan. Antara hasil hutan yang sering dipungut komuniti ini ialah tongkat ali, kayu canang, kayu rotan dan kayu kopak. Hasil yang diperolehi akan dijual kepada individu yang berminat, terutamanya masyarakat luar. Bagi sesetengah pihak, hasil hutan ini mungkin nampak seperti biasa, namun sebenarnya sangat berharga kerana tidak boleh dimiliki dengan mudah. Tidak hanya bergantung kepada herba-herba hutan semata-mata, komuniti Semoq Beri juga menjadikan aktiviti memburu rusa, kijang, ayam hutan dan landak sebagai sumber ekonomi mereka.

Selain itu, Choy et al. (2010) mengatakan bahawa komuniti Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Lagong juga menjalankan kegiatan mengumpul sumber hutan sebagai sumber ekonomi mereka. Pengumpulan sumber hutan seperti sayuran hutan, petai, pucuk paku dan pucuk ubi sering dilakukan di kawasan hutan yang berhampiran dengan penempatan mereka. Aktiviti bercucuk tanam turut dilakukan bagi menampung keperluan masyarakat mereka dan hasil diperolehi akan dijual di pasar-pasar yang berhampiran.

Menurut Mohd Nur Syufaat Jamiran et al. (2013), masyarakat Orang Asli di Kampung Peta turut melakukan pelbagai kegiatan sosioekonomi. Masyarakat Orang Asli di Kampung Peta turut menerima impak positif apabila kawasan hutan Endau-Rompin mula digazetkan sebagai salah sebuah Taman Negara. Hal ini demikian kerana masyarakat Orang Asli di kampung berkenaan telah menerima banyak peluang pekerjaan seperti dalam sektor perniagaan dan pelancongan. Sebagai contoh, komuniti Orang Asli di Kampung Peta ada menjalankan perniagaan kraf tangan seperti membuat pakaian yang berasaskan kulit kayu pokok terap. Di samping itu, Orang Asli di Kampung Peta juga ada membuat kraftangan berupa permainan tradisional Jakun yang dikenali sebagai *Kercang*. Bagi sektor pelancongan pula, terdapat segelintir Orang Asli di Kampung Peta bekerja sebagai *housekeeping* di Taman Negara Endau-Rompin.

Kegiatan Ekonomi Orang Asli Seletar

Dalam konteks komuniti Orang Asli Seletar, kegiatan ekonomi mereka berkait rapat dengan laut memandangkan kawasan tempat tinggal mereka yang berhampiran dengan kawasan pesisir pantai. Hal ini bertepatan dengan pandangan Muhammad Wafi Ramli (2020) yang menyatakan bahawa komuniti Orang Asli lebih cenderung melakukan kegiatan ekonomi yang berkait rapat dengan alam persekitaran mereka. Diet harian Orang Asli Seletar yang berasaskan laut juga menjadi bukti bahawa kegiatan ekonomi Orang Asli Seletar berkait rapat dengan dunia laut (Amir Ahmad & Hamid Mohd Isa, 2014). Oleh kerana kemampuan lain yang terhad, Orang Asli Seletar sememangnya bergantung kepada aktiviti menangkap dan mengutip hasil laut seperti ikan, kupang, siput dan ketam (Peh, 2016; Zainal Abidin Borhan, 1994). Hasil tangkapan yang diperolehi seperti ketam bangkang atau ketam nipah dijual kepada peraih atau restoran makanan laut. Selain daripada menjual hasil laut yang diperolehi, hasil laut juga digunakan untuk kegunaan diri sendiri dan keluarga mereka (Juma'at Misman, 2017).

Sebahagian masyarakat Orang Asli Seletar, khususnya wanita turut melibatkan diri dalam aktiviti mencari dan menjual umpan pancing sebagai sumber pendapatan tambahan bagi menyara keluarga mereka (Juma'at Misman, 2017). Permintaan terhadap umpan ini amat tinggi, terutamanya dalam kalangan pemancing yang berkunjung ke kampung mereka. Selain itu, sebahagian Orang Asli Seletar turut menceburi bidang keusahawanan pelancongan sebagai satu bentuk penyesuaian terhadap perubahan ekonomi semasa (Rohaya Roddin et al., 2019). Walaupun bidang ini kelihatan agak berbeza daripada pekerjaan tradisional mereka, konsepnya masih berteraskan laut dan persekitaran marin. Aktiviti baharu ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan komuniti yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memelihara kebudayaan serta warisan masyarakat Orang Asli Seletar. Penempatan mereka di Kampung Sungai Temon telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan perusahaan ekopelancongan ini. Kemahiran komuniti tersebut dalam selok-belok hutan paya bakau digunakan sebagai daya tarikan pelancong bagi menjana pendapatan dan memperkukuh kelestarian ekonomi setempat.

Pelan pembangunan baharu ini sebenarnya berkaitan dengan keadaan semasa ekonomi Orang Asli Seletar yang semakin terjejas akibat daripada kerja-kerja pembangunan yang dilakukan di sekitar kawasan penempatan mereka. Menurut Hasan Mat Nor et al. (2009), pembinaan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura telah menyebabkan tangkapan hasil laut Orang Asli Seletar semakin merosot. Hal ini turut disokong dengan penemuan oleh Nobaya Ahmad et al. (2012) yang mengatakan bahawa kemahiran Orang Asli Seletar dalam mengutip hasil lagi sudah tidak lagi memberikan keuntungan memandangkan hasil laut yang sudah berkurangan akibat daripada kerja-kerja pembangunan yang dijalankan. Pelbagai cabaran berserta peluang yang semakin berkurangan menyebabkan komuniti Orang Asli Seletar mengambil inisiatif sendiri dengan melakukan pekerjaan baharu untuk memastikan kehidupan mereka berjalan seperti sedia kala. Sebagaimana dijelaskan, komuniti Orang Asli Seletar mengikut konteks sejarah mempunyai kepakaran yang luar biasa berkaitan ilmu laut sehingga dilantik oleh Kerajaan Melayu terdahulu untuk menjaga keselamatan laluan laut. Namun begitu, perubahan zaman dan pelan pembangunan yang berterusan menyebabkan mereka semakin menjauh dengan laut serta semakin sukar untuk konsisten dengan kegiatan ekonomi tradisional.

Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan lima orang informan daripada komuniti Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon. Sebelum sesi temu bual dilaksanakan, pengkaji telah mengadakan pertemuan awal bersama Tok Batin bagi menjelaskan tujuan serta skop kajian yang akan dijalankan. Pertemuan tersebut turut bertujuan memperoleh maklumat asas berkaitan aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli Seletar di kampung tersebut. Melalui perbincangan dengan Tok Batin,

pengkaji telah diperkenalkan kepada para informan yang berpotensi untuk ditemu bual, dan seterusnya menetapkan temu janji bagi pelaksanaan sesi temu bual.

Sesi temu bual dijalankan dalam tempoh antara 45 minit hingga satu jam bagi setiap informan. Tempoh masa ini berbeza-beza kerana tidak semua informan mempunyai kelapangan yang sama untuk ditemu bual. Temu bual dilaksanakan di sekitar kawasan kediaman informan bagi memastikan mereka berada dalam keadaan yang selesa sepanjang sesi dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa informan yang memilih untuk ditemu bual di warung berhampiran, kerana berasa lebih selesa di ruang tersebut. Keadaan rumah yang serba sederhana menyebabkan sebahagian informan berasa segan untuk ditemu bual di dalam rumah. Jadual 1 di bawah menunjukkan profil informan yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Informan

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Bil	Informan	Umur	Pekerjaan
1.	Informan 1	60an	Nelayan, Pengusaha Kupang
2.	Informan 2	30an	Nelayan, Pengusaha Rumah Rakit Pancing
3.	Informan 3	50an	Nelayan
4.	Informan 4	40an	Pengusaha Kupang, Pengusaha Restoran Makanan Laut
5.	Informan 5	20an	Pengusaha Kupang, Pengusaha Restoran Makanan Laut

Di samping itu, kaedah pemerhatian turut serta turut dilakukan terutamanya di Kampung Sungai Temon bagi melihat dengan lebih dekat lagi berkaitan dengan kegiatan ekonomi Orang Asli Seletar di kampung berkenaan. Kajian ini dilakukan dengan melihat sendiri proses persediaan yang dilakukan oleh masyarakat orang asli Seletar sebelum mereka menjalankan kerja-kerja sebagai nelayan. Di samping itu, lokasi rumah rakit yang digunakan oleh Orang Asli Seletar bagi menjalankan kerja-kerja penternakan kupang turut dilawati untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam tentang cara rumah rakit kupang beroperasi. Selain itu, lawatan ke restoran makanan laut yang diusahakan oleh Orang Asli Seletar turut dilakukan bagi melihat dengan lebih jelas lagi cara masyarakat Orang Asli Seletar menguruskan restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon. Seterusnya, pengkaji juga menjalankan lawatan ke kawasan-kawasan yang sering dikunjungi oleh kelompok Orang Asli Seletar yang bekerja sebagai nelayan. Hal ini penting bagi melihat sendiri cara kerja mengutip hasil laut seperti ikan, ketam dan pelbagai jenis kerang-kerangan. Pemerhatian turut serta ini amat penting sebagai data sokongan terhadap dapatan yang diperolehi melalui sesi temu bual secara mendalam.

Akhir sekali, kaedah kajian kepustakaan telah diguna pakai bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon. Kaedah ini penting bagi menyokong data-data primer yang diperolehi melalui sesi temu bual secara mendalam dan pemerhatian turut serta. Proses mendapatkan data sekunder ini lazimnya didapati melalui proses pembacaan artikel jurnal, tesis, buku serta keratan akhbar yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Proses pembacaan ini mampu memberi gambaran awal tentang subjek kajian yang dijalankan dan secara tidak langsung dapat membantu dalam merangka gerak kerja penyelidikan yang telah dijalankan.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian mendapati bahawa Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk melakukan kegiatan ekonomi mereka. Peluang yang ada juga semakin terhad berbanding sebelum adanya kerja-kerja pembangunan seperti penambakan laut di kawasan sekitar penempatan mereka. Antara kegiatan ekonomi Orang Asli Seletar yang menjadi pilihan kini ialah penternakan kupang dan restoran makanan laut.

Penternakan Kupang

Kerja-kerja penternakan kupang merupakan aktiviti yang paling banyak dilakukan oleh masyarakat Orang Asli Seletar terutamanya di Kampung Sungai Temon. Aktiviti penternakan kupang dikatakan dimulakan oleh Informan 1 yang sebelum ini pernah juga mencuba pelbagai jenis ternakan lain seperti udang, ikan siakap dan ikan senangin. Tindakan informan ini adalah respon terhadap peluang kegiatan ekonomi lain yang semakin berkurangan. Seperti yang dijelaskan, kegiatan ekonomi asal mereka ialah mendapatkan hasil laut, namun semuanya berubah apabila adanya kerja-kerja penambakan laut. Daripada pelbagai jenis kegiatan ekonomi yang dicuba, hanya ternakan kupang yang berjaya, mendapat sambutan dan memberi pulangan hasil yang lebih baik. Menurut Informan 1; *"...ni dulu saya bela udang pun tak boleh tahan ni. Bela udang, bela siakap, ikan senangin semua saya cuba. Tak berapa jadi. Sini bela ikan tak berapa jadi sangat pasal air tercemar banyak..."*

Kegiatan ekonomi baharu yang diusahakan oleh informan ini dikatakan lebih mudah dan kos yang lebih rendah berbanding kos yang perlu disediakan untuk mencari hasil laut seperti mana yang biasa dilakukan. Kupang yang ditenak tidak perlu diberikan makan, sebaliknya hanya menunggu tempoh masa sesuai untuk dituai. Pandangan informan turut disokong oleh informan lain (Informan 4) yang mengatakan bahawa kupang hanya memerlukan keadaan air laut yang bersih sahaja untuk membesar.

"...hah sini ternak kupang jelah. Ternak kupang senang sikit, tak macam ikan, udang tu kita kena bagi makan. Nak jaga dia pun banyak kerja. Makan dia lagi, kena bersih kolam lagi..."

(Informan 1)

"...kupang ni mudah tak yah bagi makan. Yang penting kalau air cantik, dia hidup lah. Kalau air tak cantik, dia akan mati. Walaupun dia dah besar, dia akan mati. Kalau air kotor, dia akan mati..."

(Informan 4)

Walaupun dianggap mudah dan menjimatkan, cabaran lain terhadap kegiatan ekonomi ini ialah isu air laut yang sesuai dan bersih. Melihat kepada kerja-kerja pembangunan dan penambakan laut, risiko kemusnahan kupang yang ditenak begitu tinggi. Namun begitu, Orang Asli Seletar sedar mengenai cabaran dan risiko yang terpaksa mereka hadapi ini serta hanya mampu berharap kupang-kupang mereka mampu bertahan. Cabaran lain yang terpaksa informan hadapi ialah kos perbelanjaan yang besar untuk membina rumah rakit bagi tujuan penternakan kupang. Kos yang besar merangkumi pembinaan pelantar rumah rakit serta tong untuk mengapungkan rumah rakit berkenaan. Saiz pelantar yang lebih besar memerlukan kos yang lebih tinggi dan sebaliknya. Berdasarkan sesi temu bual bersama Informan 4, kos yang telah dibelanjakan untuk membina rumah rakit ialah sekitar RM30,000.00 yang merangkumi pembinaan rumah rakit, pembelian tong, upah pekerja, pembelian tali gelang, tali kupang serta pondok untuk penyimpanan barang.

“...tengok berapa besarlah, berapa keluasanlah. Kalau awak nak buat besar, besar juga modal dia. Saya punya tak berapa besarlah. Ayah saya dulu labur dekat RM30 ribu. Hah. Harga tu termasuk pondok tu semualah. RM30 ribu tu kira tong-tong biru je. Dengan tali gelang, tali kupang, upah budak kan. Hah. Kalau nak besar bukan tak boleh. Kita modal takde. Itu pun saya buat peringkat-peringkatlah. Takde buat terus macam tu. Sikit-sikit. Macam hari tu ada RM5000 kita tambah sikit lagi...”

(Informan 4)

Masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon juga membina rumah rakit kupang secara berperingkat-peringkat bergantung kepada bajet. Oleh kerana kos pembinaan semakin mahal, sumber pendapatan tidak menentu menyebabkan terdapat informan yang membina rumah rakit mereka secara sederhana. Pada masa yang sama, informan masih berharap ada lebih modal untuk menambahkan struktur rumah rakit mereka kepada saiz lebih besar dan kukuh (Rujuk Rajah 1).

Rajah 1: Rumah Rakit Kupang di Sungai Temon



Bagi individu yang terlibat dalam kegiatan ekonomi ini mungkin sudah jelas dan faham proses penternakan kupang. Pendedahan oleh informan dan pemerhatian ikut serta di lapangan mendapati bahawa proses ini dimulakan dengan menenggelamkan tali kupang ke dalam air laut. Tujuannya untuk memastikan benih-benih kupang tersebut membiak dan hinggap di tali berkenaan. Setelah benih kupang mula melekat di tali kupang tersebut, maka Orang Asli Seletar akan menunggu kupang tersebut untuk membesar sehingga saiz yang sesuai dijual di pasaran. Berdasarkan sesi temu bual bersama dengan Informan 4 dan Informan 5, mereka menjelaskan bahawa saiz kupang yang sesuai untuk dijual di pasaran adalah sebesar dua hingga tiga inci. Lazimnya tempoh masa yang diambil bagi kupang-kupang tersebut membesar adalah selama lapan bulan sehingga setahun.

“..nak amik kupang ni tunggu dia besar je. Kalau dah besar dalam dua inci setengah ke tiga inci dah boleh jual dah. Nak kutip tu kita tarik tali yang tenggelam tu. Kupang tu ada lekat-lekat dekat tali tu. Tali yang kita guna macam tali jaring lama tau macam jaring udang yang telah rosak kita kitar semua. Benih tu dia hinggap sendiri. Dia kecil je warna biru. Nanti dia hinggap dekat tali tu. Dalam dua ke tiga bulan kita tengok ada benih tak. Nak tunggu benih besar dalam lapan bulan ke setahun. Lama. Dulu dalam lima ke enam bulan dah boleh jual...”

(Informan 4)

“...pasal kupang ni nak membesar makan bulan. Dari segi dia ikut air. Sebab sekarang ni ada penambakan, dia amik masa dalam satu tahun. Kupang ni dia hinggap atas tali tu. Tali dia pun tak boleh tali sembarangan dia ada. Dia kena ada tali yang sesuai dengan dia punya. Dia ada tali khas. Kita guna tali-tali jaring tu. Saiz yang *market* nak tu dalam tiga inci, dua inci setengah. Selalu dua inci setengah ke ataslah...”

(Informan 5)

Rajah 2: Tali yang Digunakan dalam Penternakan Kupang



Kupang-kupang yang sudah dituai akan mula dijual kepada peraih atau pengusaha pasar yang berminat. Menurut Informan 4, beliau sering menghantar hasil kupang ternakannya ke pasar-pasar di sekitar kawasan Johor Bahru. Di samping itu, terdapat juga peraih daripada luar seperti Melaka dan Kuala Lumpur untuk membeli kupang yang ditenak. Dari segi harga pula, Informan 4 mengatakan bahawa, kupang yang dijual dengan harga mengikut kuantiti yang diambil oleh peraih. Informan 4 mengatakan bahawa sekiranya peraih mengambil dalam jumlah yang banyak, maka beliau akan menjual kupang ternakannya dengan harga RM3.50/kg. Selain daripada peraih, orang awam yang menetap di sekitar Johor Bahru juga ada yang membeli kupang daripada Informan 4. Lazimnya harga yang dijual kepada orang awam adalah serendah RM5.00/kg. Menurut Informan 4;

“...Selalu saya jual kat pasar. Ada peraih dari pasar amik. Kadang-kadang hah peraih dari Melaka, KL. Peraih dia datang sini amik. Ada peraih dari pasar Smart, Amart, Best Mart. Kadang tolak kupang RM3.50. Tengok lah kalau dia amik banyak dapat murah. Kadang RM3.50, RM3.00 pun ada. Yang ada RM5.00 pun ada. Kalau saya jual dekat orang yang amik sikit-sikit kan, saya jual RM5.00 sekilo. Hah tak macam dekat pasar mahu RM7.00 ke RM10.00 tau. Ada juga orang luar yang beli direct. Kalau dia nak beli dia contact saya lah...”

(Informan 4)

Di samping itu, kegiatan ekonomi jenis ini (penternakan kupang) secara tidak langsung telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli Seletar, khususnya di kampung berkenaan. Bagi Orang asli Seletar yang menjalankan kegiatan penternakan kupang, mereka sudah pasti memerlukan bantuan tenaga kerja untuk menguruskan aktiviti penternakan berkenaan. Oleh itu, mereka lazimnya akan mengupah masyarakat kampung itu sendiri untuk sama-sama membantu menjayakan kegiatan penternakan kupang. Semangat kekeluargaan yang ditunjukkan oleh komuniti

Orang Asli Seletar sangat kuat kerana mereka memahami bahawa peluang dan cabaran kegiatan ekonomi di perkampungan mereka semakin berkurangan. Sebagai contoh, Informan 1 sendiri telah mengupah pekerja bagi membantunya untuk menjaga rumah rakit kupang berkenaan. Apabila sudah sampai masa untuk menuai kupang, beliau juga ada mengupah anak-anak muda Orang Asli Seletar untuk mengutip kupang dengan kadar bayaran sebanyak RM40.00 sehari. Informan 1 juga mengatakan bahawa beliau ada juga mengupah kaum wanita di Kampung Sungai Temon untuk kerja-kerja mengopek kupang dengan bayaran sebanyak RM2.00 untuk satu kupang. Menurut Informan 1:

“...kita kadang amik budak kerja jugak. Budak yang tukang kopek amik RM40.00. Kita owner amik RM100.00. Kadang ada juga upah bini orang kerja. Kalau laki dia ke laut, dia kerja kopek kupang dekat rumah. Kalau dia boleh ikut laki dia, dia pergi. Kalau anak dia banyak dia kerja kopek kupang dekat rumah aje. Upah kopek kadang RM2.00 amik isi je kan...”

(Informan 1)

Bagi Informan 4 pula, beliau memaklumkan perlu mengupah pekerja memandangkan kerja-kerja menuai kupang memerlukan tenaga yang sangat banyak. Hal ini demikian kerana tali kupang yang sudah dihinggap oleh kupang akan menjadi sangat berat. Beliau juga mengatakan bahawa kerja-kerja mengangkat tali kupang ini boleh menyebabkan masalah sakit belakang dan sakit pinggang. Menurut Informan 4:

“...tapi kalau kupang dah besar kita upah budak lah untuk kutip. Bagi dia gaji lah. Tak boleh buat sorang. Penat hahahaha. Kalau budak takde kerja kita panggil dia kita upah lah. Sekurangnya budak tu ada duit sikit. Tapi kerja dia berat. Pinggang kalah. Sebab kita kena menunduk, nak pikul lagi. Tali yang kupang tu hinggap dalam satu depa lebih...”

(Informan 4)

Berdasarkan maklumat disampaikan oleh informan mendapati bahawa kegiatan ekonomi tradisional yang biasa dilakukan oleh komuniti mereka tidak lagi menjadi keutamaan. Banyak faktor yang menyebabkan mereka mencari inisiatif sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup. Sekiranya mereka masih bergantung harap terhadap kegiatan ekonomi lama, mereka akan berhadapan dengan pelbagai implikasi dan kesan seperti kos perbelanjaan turun ke laut meningkat dan hasil laut yang tidak terjamin. Aktiviti pembangunan seperti penambakan laut dilihat lebih banyak mendapatkan mudarat kepada komuniti mereka dan kegiatan ekonomi yang biasa dilakukan semakin hilang dan terjejas.

Perusahaan Restoran Makanan Laut

Masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon juga turut menjalankan perniagaan restoran makanan laut sebagai kegiatan ekonomi baharu mereka. Kemudahan untuk mendapatkan sumber makanan laut memberi idea kepada komuniti Orang Asli Seletar untuk menjalankan aktiviti ekonomi hiliran. Makanan laut yang mudah diperolehi merujuk kepada penternakan kupang yang mendapat sambutan sangat baik. Sumber bahan mentah lain terjejas akibat perluasan kawasan untuk pembangunan dan sekali gus menyempitkan radius kawasan nelayan Orang Asli Seletar. Kedudukan kampung mereka berhadapan perairan Selat Tebrau menjadikan lokasi tersebut sesuai untuk menjalankan perniagaan restoran makanan laut.

Berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan, kebanyakan restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon ini dimulakan dengan hasil daripada keuntungan kerja-kerja menternak kupang dan kerja-kerja mengutip hasil laut. kebanyakan informan yang menjalankan perusahaan restoran makanan laut ini juga turut menjalankan aktiviti penternakan kupang. Oleh itu, wang yang diperolehi daripada penjualan kupang ini telah digunakan bagi membuat perniagaan restoran makanan laut mereka sendiri. Secara tidak langsung menjadi sumber ekonomi yang lebih baik kepada mereka.

Hal ini turut disokong oleh Informan 4 yang mengatakan bahawa bapanya telah membuka restoran makanan laut dengan menggunakan wang hasil daripada ternakan kupang. Pada peringkat permulaan, bapa kepada Informan 4 dipercayai telah menyewa sebuah restoran milik individu berbangsa Cina bagi menjimatkan kos. Hal ini demikian kerana kos untuk membina sebuah restoran baharu sememangnya memakan belanja yang sangat besar. Menurut Informan 4:

“...jadi ada modal hasil kupang tu kita buat sikit-sikit. Sekarang memang ahli keluarga yang jaga. Tapi ayah saya baru-baru ni sewa dengan Cina. Sebab kalau nak bikin balik tu modal banyak. Modal dekat RM200 ribu jugak. Kayu apa semua. Jadi ayah cakap takde modal. Tapi abang saya cakap sewa jelah. Kita nak sewa kena buat surat perjanjian...”

(Informan 4)

Lazimnya, perniagaan restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon ini merupakan perniagaan keluarga. Menurut Informan 4 dan Informan 5, kedua-dua restoran milik mereka pada asalnya telah dimulakan oleh bapa mereka sebelum diambil alih oleh mereka dan adik beradik yang lain. Bagi Informan 4, beliau dan adik-beradiknya mula menguruskan restoran tersebut setelah bapanya dilantik menjadi Tok Batin di Kampung Sungai Temon. Bagi Informan 5 pula, beliau dan adik-beradiknya mula mengambil alih pengurusan restoran setelah kematian ayahnya.

“...restoran tu bapak saya punya. Sejak dia jadi Tok Batin, saya dengan adik-beradik lah kerja situ. Saudara-mara ada jugak kerja dekat situ. Kita tolong-tolong lah...”

(Informan 4)

“...sejak ayah saya takde, memang abang dengan kita adik-beradik yang jaga. *Business* restoran ni memang abang yang jaga. Kita kongsi adik-beradik lah. Macam *business* keluarga jugak...”

(Informan 5)

Menurut Informan 4, restoran yang diusahakan oleh beliau berkonsepkan bufet makanan laut. Konsep bufet ini di mana para pelanggan boleh menikmati apa jua menu yang telah disediakan tanpa had dengan kadar bayaran sebanyak RM138.00 untuk seorang. Selain daripada menu yang berasaskan bufet, restoran milik Informan 4 juga ada menyediakan menu *ala carte* mengikut permintaan pelanggan. Lazimnya, mereka akan menyaji makanan yang berasaskan masakan Cina dan Thai. Menurut Informan 4 lagi:

“...menu dekat restoran tu menu bufet, *ala carte* pun ada. Senang kata *seafood* lah. Satu kepala RM138.00 tapi boleh makan lah. Makan sampai kenyang lah. Ketam, udang dia banyak jenis lah. Udag pun banyak jenis. Lala macam kerang, sotong pun ada. Apa-apalah banyak. Ais krim pun ada. Makanan tu kita masak lauk, bakar pun ada. Masakan pun campur-campur. Dia ada masakan Cina, ada masakan ala Thai...”

(Informan 4)

Bagi Informan 5 pula, restoran yang diusahakan oleh beliau menyediakan menu makanan laut yang hampir sama dengan restoran makanan laut yang lain. Menu yang ditawarkan juga merupakan menu yang berasaskan masakan Cina, Melayu dan Indonesia. Informan 5 juga mengatakan walaupun restorannya menyediakan menu masakan Cina, namun kesemua menu tersebut telah disediakan secara halal dan boleh dimakan oleh pelanggan yang beragama Islam. Menurut Informan 10:

“...kalau menu kita campur-campur bang. Ada masakan Cina sikit, Melayu sikit. Masakan Indonesia pun kita ada buat. Tapi semua halal bang. Orang Melayu pun ada makan sini. Kita takde letak benda bukan-bukan dalam makanan hahahaha...”

(Informan 10)

Rajah 3: Bahan Mentah yang Segar di Restoran Makanan Laut



Bagi proses mendapatkan bekalan bahan mentah, setiap restoran yang beroperasi di Kampung Sungai Temon mempunyai cara mereka yang tersendiri. Bagi restoran yang diusahakan oleh Informan 4, proses mendapatkan bekalan mentah dilakukan dengan membeli daripada pembekal daripada luar. Informan 4 menyatakan bahawa pembekal akan menghantar bekalan bahan mentah seperti ikan, ketam dan udang ke restoran berkenaan. Selain itu, restoran milik Informan 4 juga turut membeli hasil-hasil laut daripada nelayan Orang Asli Seletar sendiri. Hal ini telah disokong oleh Informan 3 yang mengatakan bahawa beliau sering menjual hasil tangkapan laut ke restoran yang diusahakan oleh Informan 4.

“...restoran tu lauk-lauk semua kita beli dekat luar. *Supplier* macam lori hantar ikan ke, ketam ke dekat kita nanti. Tapi ada juga orang asli yang hantar. Macam saudara kita dekat Gelang Patah pun ada hantar. Hah. Orang asli sini pun ada hantar jugak. Janji ada hasil lah. Kalau dia ada udang ke, dia jual lah...”

(Informan 4)

“...hasil saya selalu jual dekat restoran depan tu. Saya jual dekat restoran Tok Batin punya tu. Tok Batin tu ipar saya...”

(Informan 3)

Bagi restoran yang diusahakan oleh Informan 5, adik-beradiknya mempunyai kolam ternakan ikan yang sendiri. Hal ini membolehkan mereka untuk mendapatkan sumber bekalan bahan mentah untuk kegunaan restoran. Informan 5 mengatakan bahawa abangnya mempunyai banyak kolam ternakan seperti kolam ternakan ikan merah dan ketam. Hal ini jelas membolehkan mereka untuk mendapatkan bekalan bahan mentah dengan sangat mudah. Di samping itu, pemilikan kolam ternakan ikan dan ketam ini menyebabkan mereka tidak begitu bergantung dengan pembekal daripada luar. Hal ini secara tidak langsung membolehkan mereka menawarkan menu dengan harga yang lebih berpatutan. Menurut Informan 5:

“..abang saya tu dia ada ternak jugak. Macam ketam ni dengan ikan dia ternak. Kolam dia ada mana tu hujung tu, hah abang tahu Forest City kan, dia atas lagi dari situ. Dekat Ulu Tiram pun ada kolam ikan. Ikan merah ada ternak. Macam lain-lain macam tiram, kerang semua dapat dekat depan ni je.

Kita ada ternak sendiri, jadi kita boleh jual murah lah. Kalau ambil dari luar lepas tu jual murah tak boleh bang. Macam mana nak bayar gaji, untung lagi kan. Hah amik sendiri boleh lah murah sikit...”
(Informan 5)

Selain itu, restoran yang diusahakan oleh kedua-dua Informan 4 dan Informan 5 turut dikunjungi oleh para pelanggan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Mereka mengatakan bahawa pengunjung daripada negara jiran terutamanya warga Singapura sering hadir untuk menikmati menu yang ditawarkan di restoran makanan laut yang terdapat di Kampung Sungai Temon. Perbezaan kadar mata wang Dolar Singapura dengan Ringgit Malaysia membuatkan restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon menjadi pilihan warga Singapura. Di samping itu, warga tempatan seperti pelanggan berbangsa Melayu dan Cina juga turut hadir ke restoran berkenaan.

“...pelanggan kita campur. Melayu ada, Cina, India pun ada. Kebanyakan orang Singapore pun tahu dalam ni ada restoran...”
(Informan 4)

“...pelanggan kita ni campur-campur. Ada dari Singapore, ada jugak orang-orang Melayu, Cina jugak. Tapi banyak orang sini je. Kalau hujung minggu, Sabtu ke Ahad memang ada orang Singapore datang...”
(Informan 5)

Setiap perniagaan ataupun perusahaan yang menawarkan produk atau perkhidmatan, promosi perlu dilakukan bagi menarik minat pelanggan untuk mencuba produk atau perkhidmatan yang disediakan. Bagi restoran yang diusahakan oleh Informan 4, kerja-kerja promosi dilakukan dengan menggunakan medium media sosial seperti Facebook. Informan 4 mengatakan bahawa pekerja yang bertugas dalam kerja-kerja promosi akan memuat naik gambar makanan dan suasana restoran ke dalam laman Facebook. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pelanggan untuk hadir ke restoran berkenaan. Di samping itu, penggunaan media sosial Facebook juga penting bagi menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan restoran seperti waktu operasi dan sebagainya. Menurut Informan 4 lagi:

“...promosi kita guna Facebook lah. Kadang kita *post* gambar makanan ke, gambar pelanggan *time* dekat restoran ke. Nak tarik minat orang kan. Ada juga kita *post* benda-benda kalau nak bagi tahu pelanggan macam hari ni kita tutup. Macam hari tu kawasan ni takde air, jadi kita *post* dekat FB nak bagi tahu orang restoran kita tutup sebab takde air...”
(Informan 4)

Selain itu, promosi dari mulut ke mulut juga digunakan oleh kedua-dua restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon. Cara promosi yang sedemikian sering menjadi pilihan memandangkan tidak melibatkan sebarang kos serta kemahiran yang khusus jika hendak dibandingkan dengan promosi menggunakan media sosial. Berdasarkan kerja-kerja lapangan yang telah dilakukan di Kampung Sungai Temon, rangkaian internet di kampung berkenaan yang berada di paras sederhana menyebabkan promosi menggunakan media sosial akan memakan kos yang besar memandangkan mereka perlu melanggan pakej internet. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pengusaha restoran makanan laut di Kampung Sungai Temon memilih untuk melakukan promosi dari mulut ke mulut.

“...kita promosi guna orang cakap-cakap je. Macam kawan-kawan. Macam saya dengan awak kawan, kita cuba makan sini. Pastu awak pulak bawak kawan. Nanti kawan awak pun bawak kawan-kawan dia. Macam tulah, daripada kawan ke kawan lah...”
(Informan 4)

“...kita guna lidah orang cakap. Macam saya *recommend* lauk ni dekat abang, nanti kalau sedap abang cerita dekat orang. Macam tulah lepas tu. Baru ni je kita ada buat Facebook. Tapi tu pun tak berapa sangat. Bukan apa ada pekerja sini tak berapa pandai sangat benda-benda IT ni kan...”

(Informan 5)

Rajah 4: Salah Sebuah Restoran Makanan Laut di Kampung Sungai Temon



Kejayaan informan atau komuniti Orang Asli Seletar membuka restoran makanan laut menunjukkan bahawa mereka sudah berjaya beradaptasi dengan keadaan sekeliling mereka. Walaupun peluang ekonomi semakin berkurangan, isu dan cabaran semakin bertambah mereka tetap berusaha melakukan kegiatan ekonomi baharu di kawasan mereka. Kekurangan hasil laut untuk menampung jumlah pelanggan yang meningkat juga tidak memberi sebarang masalah kepada mereka kerana kegiatan ekonomi baharu ini sudah boleh diperolehi daripada luar kawasan. Perkara ini memperlihatkan bahawa kehilangan satu peluang kegiatan ekonomi akan diganti dengan dua atau tiga kegiatan ekonomi lain. Momokan masyarakat luar mengenai kemampuan Orang Asli Seletar terhadap kegiatan ekonomi setelah dibatasi oleh sempadan tambakan laut tidak memberi kesan besar kepada mereka. Hal ini kerana mereka sudah berupaya beradaptasi dengan situasi yang berlaku dan tidak hanya bergantung kepada satu-satu jenis kegiatan ekonomi sahaja.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kegiatan sosioekonomi yang dilakukan oleh masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon sememangnya dapat membantu meningkatkan taraf hidup serta taraf ekonomi masyarakat Orang Asli berkenaan. Dengan adanya perusahaan penternakan kupang dan perusahaan restoran makanan laut ini menyebabkan komuniti Orang Asli Seletar di kampung berkenaan tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada kutipan hasil laut dan sungai yang semakin terhad. Di samping itu, perusahaan-perusahaan ini juga mampu melatih masyarakat Orang Asli Seletar di Kampung Sungai Temon untuk menjadi lebih berdaya saing dengan komuniti lain di luar. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada masyarakat Orang Asli Seletar terus ketinggalan terutamanya dalam sektor ekonomi. Selain itu, kegiatan sosioekonomi ini juga mampu untuk memutuskan kitaran kemiskinan terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli Seletar, khususnya di Kampung Sungai Temon. Oleh itu, jelaslah bahawa kegiatan sosioekonomi ini mampu mendatangkan impak positif kepada masyarakat Orang Asli Seletar di kampung berkenaan.

Rujukan

- Amir Ahmad, & Hamid Mohd Isa. (2014). *The influence of environmental adaptation on Orang Seletar cultures*. In *7th International Seminar on Ecology, Human Habitat, and Environmental Change in Malay World*, Pekan Baru, Riau, Indonesia.
- Amran Kasimin. (1991). *Religion and social change among the indigenous people of the Malay Peninsula*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, L. Y. (1975). *Kingdom of Johore 1641–1728*. NUS Press.
- Andaya, L. Y. (2010). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. NUS Press.
- Bellina, B., Blench, R., & Galipaud, J.-C. (2021). Sea nomadism from the past to the present. In B. Bellina, R. Blench, & J.-C. Galipaud (Eds.), *Sea nomads of Southeast Asia from the past to the present* (pp. 1–28). NUS Press.
- Chou, C. (2021). The Orang Suku Laut: Movement, maps, and mapping. In B. Bellina, R. Blench, & J.-C. Galipaud (Eds.), *Sea nomads of Southeast Asia from the past to the present* (pp. 142–156). NUS Press.
- Choy, E. A., Che Mat Ariffin, Z., & Pereira, J. J. (2010). Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295–314.
- Fifi Norhahdah Taman, & Rozilah Kasim. (2021). Kepentingan perwartaan tanah rizab Orang Asli. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1208–1216. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/1783>
- Hasan Mat Nor, Abd. Rahim Mohd Nor, Katiman Rostam, Esah Mohamed, & Zaini Sakawi. (2009). Mengapa kami jadi begini? Konflik masyarakat Orang Seletar dan pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 59–69. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/17901/5572>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (n.d.). *Suku kaum*. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabillah Ahmad, & Jamal Rizal Razali. (2016). Faktor-faktor keterancaman budaya material masyarakat Orang Asli Che Wong. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(2), 307–317. https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2016/12/KC5_22.pdf
- Juma'at Misman. (2017). *Orang Seletar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim, B. (1999). Sea nomads of Japan. *International Journal of Maritime History*, 11(2), 87–105. <https://doi.org/10.1177/084387149901100206>
- Malaysia. (2006). *Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 2006)* [Akta 134]. <https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta%20Orang%20Asli.pdf>
- Mariam Ali. (2002). Singapore's Orang Seletar, Orang Kallang, and Orang Selat: The last settlements. In G. Benjamin & C. Chou (Eds.), *The tribal communities in the Malay world: Historical, cultural, and social perspectives* (pp. 273–292). Institute of Southeast Asian Studies.

- Mohd Nur Syufaat Jamiran, Wee, S. T., & Maryati Mohamed. (2013). Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Kampung Peta, Johor. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia*. Universitas Padjadjaran, Bandung.
- Muhammad Wafi Ramli. (2020). Keadaan ekonomi komuniti Orang Asli Semoq Beri di Kampung Sungai Berua, Terengganu. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(6), 68–79. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/40941/10756>
- Nobaya Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Halimatussaadiah Hamsan, & Ma'arof Redzuan. (2012). The Seletar community (Orang Laut) of Johore and the challenges against development. *International Proceedings of Economics Development and Research*.
- Peh, P. C. (2016). *Orang Seletar adaptation to urbanisation through housing in relation to sense of place* [Unpublished master's dissertation]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, Mimi Mohaffyza Mohamad, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Sitti 'Afiat Jalil, & Tun Ili Ayuni Ahmad Hariri. (2019). Keupayaan komuniti Orang Asli suku kaum Seletar di Johor Bahru melalui keusahawanan berasaskan pelancongan. *International Journal of Social Science Research*, 1(2), 9–22. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/7442/3062>
- Roziah Mohamad Ali, & Khairi Ariffin. (2020). Peranan dan penglibatan Orang Laut Johor-Riau semasa era kerajaan Melayu tradisional. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 1–24. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.13(1)no1)
- Samsur Rijal Yahaya. (2015). *Analisis etnografi dan semiotik sosial pertuturan masyarakat Seletar* [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Malaya.
- Sitti Rahmah Wahab. (2015). *Adaptasi sosiobudaya Orang Laut di Kecamatan Tanah Merah, Kabupaten Indragiri Hilir, Riau, Indonesia* [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Malaya
- Sopher, D. E. (1977). *The sea nomads: A study of the maritime boat people of Southeast Asia*. National Museum of Singapore.
- Thomson, J. T. (1847). Remarks of the Seletar and Sabimba tribes. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 341–351.
- Zainal Abidin Borhan. (1994). Orang Seletar: Ibarat meniti buih. In A. Zakaria Ghazali & Z. A. Borhan (Eds.), *Johor dahulu dan sekarang*. Persatuan Muzium Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. (1999). Peranan Orang Laut dalam Kesultanan Johor. *Jurnal Warisan Johor*, 3, 125–138.